

**KENYATAAN MEDIA BERSAMA  
NANOMALAYSIA BERHAD, PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)  
MENANDATANGANI MOU UNTUK  
PROGRAM *TECHNOLOGY AND INNOVATION SUPPORT CENTER* (TISC)**

**KUALA LUMPUR, 12 November 2021** – NanoMalaysia Berhad (NMB) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk program *Technology and Innovation Support Center* (TISC).

MOU ini merupakan salah satu langkah yang diambil oleh NMB untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Harta Intelek (HI) bagi pengurusan strategik menerusi penyertaan dalam pelbagai program latihan berkaitan harta intelek (HI). Program ini termasuklah pencarian paten, penderafan paten, pengkomersialan dan pemasaran HI yang dijalankan dan diselaraskan oleh MyIPO dengan kerjasama *World Intellectual Property Organization* (WIPO).

Sesi latihan ini akan dikendalikan oleh pakar dalam bidang HI dari Amerika Syarikat dan Eropah yang dilantik oleh WIPO menggunakan modul yang telah ditetapkan oleh WIPO serta berkongsi "amalan terbaik" yang digunakan di luar negara.

Pengerusi NMB, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Mohamad Zawawi Bin Ismail berkata: "Kerjasama ini memberi peluang untuk menjalin hubungan kerjasama strategik yang lebih kukuh dalam bidang Inovasi Teknologi dan Perlindungan Harta Intelek. Langkah ini bukan sahaja membolehkan penggunaan sumber yang ada dengan lebih baik lagi malah membantu mewujudkan pengurusan yang kukuh dan berkesan dalam bidang ini di peringkat nasional."

Beliau seterusnya berkata bahawa menerusi MOU ini, NMB akan dapat mengakses maklumat teknikal yang menjadi faktor penting dalam mencapai objektif dan matlamat NMB secara jangka pendek dan jangka panjang untuk memperoleh pulangan daripada HI yang dibangunkan bersama dengan syarikat baharu, perusahaan kecil dan sederhana serta universiti.

MyIPO merupakan *Focal Point* yang bertindak sebagai penyelaras bagi semua aktiviti TISC di Malaysia di antara WIPO dan *Host Institutions* yang terdiri daripada organisasi tempatan. Sehingga kini, terdapat sebanyak 16 TISC *Host Institutions* yang terdiri daripada institusi pengajian tinggi (awam dan swasta), institusi penyelidikan, politeknik serta agensi. Melalui memorandum persefahaman ini, NMB merupakan *Host Institutions* yang ke-17 bagi program ini.

Aktiviti pemindahan teknologi di antara universiti, institusi penyelidikan tempatan dan industri dapat ditingkatkan melalui kerjasama strategik ini.

Ketua Pengarah MyIPO, Abdul Haris bin Haji Lakar menambah: "Kami di MyIPO berbesar hati dengan jalinan kerjasama ini dan berharap kerjasama yang lebih erat di antara MyIPO dan NMB

dapat dilakukan pada masa akan datang. Melalui program TISC ini dapat berkongsi amalan terbaik yang digunakan di luar negara dan kami percaya program ini akan menjadi aset yang berguna untuk NMB.”

Sehingga bulan November 2021, NanoMalaysia telah berjaya membangunkan 72 harta intelek yang terdiri daripada 31 paten, 27 hakcipta, 8 cap dagangan dan 6 pembaharuan utiliti yang telah pun difailkan dengan MyIPO.

NMB juga telah berjaya dipilih sebagai *Mentee* bagi mengikuti program *Remote Mentoring WIPO EIE (Technology Selection)* secara atas talian bagi sesi 2021/2022 oleh pakar yang dilantik oleh WIPO untuk reka cipta bertajuk: “A Hydrogen Generator for Fuel Cell Application, a Method and a System Thereof”.

### **Tentang NanoMalaysia Berhad**

NanoMalaysia Berhad telah ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk bertindak sebagai sebuah entiti perniagaan yang diamanahkan dengan aktiviti pengkomersialan dan perindustrian nanoteknologi menerusi model pembangun usaha sama. Nanoteknologi terus memainkan peranan menyediakan penyelesaian yang efisien dan dipertingkatkan bagi pelbagai aplikasi termasuklah untuk kehidupan pintar, pembuatan pintar, pertanian, peranti elektronik serta tenaga dan persekitaran. NanoMalaysia percaya bahawa “Internet of Nano-Things” atau IoNT akan menjadi pemacu teras bagi revolusi Industri ke-4 dan menjadi pemangkin perubahan termaju dalam industri, perniagaan dan masyarakat.

### **Tentang MyIPO**

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bertanggungjawab untuk membangunkan dan mentadbir sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. Ia terdiri daripada harta perindustrian (paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan reka bentuk susun atur litar bersepadu); dan hak cipta serta hak yang berkaitan. MyIPO merupakan agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

### **PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)**

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi:*

EN. AKHTAR BIN SAHARI  
Ketua Komunikasi Korporat  
T: 012-6725667  
E: [akhtar@myipo.gov.my](mailto:akhtar@myipo.gov.my)

EN. NOOR MOHAMAD HAZMAN BIN HAMID  
Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan  
T: 019-3370098  
E: [hazman@myipo.gov.my](mailto:hazman@myipo.gov.my)

Perbadanan Harta Intelek Malaysia



Unit 1-7, Aras Bawah, Tower B, Menara UOA Bangsar,  
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur  
Tel : 603 – 2299 8400  
Fax : 603 - 2299 8989  
Emel : [ipmalaysia@myipo.gov.my](mailto:ipmalaysia@myipo.gov.my)  
Laman web : <http://www.myipo.gov.my>

***Untuk pertanyaan media, sila hubungi Audra Jeyaraj di +6012 6915 024 atau writemedia@gmail.com;  
Poon Li-Wei di +6012 391 2028 atau poonliwei.media@gmail.com; atau Audrey Vijaindren di +6012  
2770278 atau audrey.writemedia@gmail.com***